

27 JUL 2002

Mahathir-Kuat

PARTI BN MESTI KUAT UNTUK PERPADUAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua parti komponen Barisan Nasional mestilah kuat untuk mempertahankan dan menjalin hubungan rapat antara kaum di Malaysia.

Perdana Menteri berkata apabila parti atau pemimpin lemah, atau mereka bersengketa, agak mudah bagi mereka tertarik dengan ekstrimisme untuk mendapat sokongan.

"Jika ini berlaku, maka ia akan menyebabkan parti-parti komponen yang lain dalam BN mengguna perkauman yang ekstrim untuk melawan sesama parti komponen BN. Semua ini akhirnya akan menjadikan BN lemah dan ini akan membolehkan parti lawan memperoleh kemenangan.

"Ingatlah, jika kita mempunyai majoriti yang kecil, kita tidak dapat tegas dalam memerintah negara. Pemerintahan yang tidak kuat tidak dapat menangani masalah perkauman," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan MCA ke-49 di sini hari ini.

Majlis turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan hampir kesemua pemimpin parti komponen BN.

Di Malaysia, katanya, parti lawan mempunyai sikap radikal dan tidak toleran dan jika mereka menang, Malaysia akan berubah seperti yang dilihat di Kelantan dan Terengganu, yang diperintah oleh Pas.

"Negara akan menjadi mundur dan rakyat akan merasa tertekan. Tidak ada kebebasan bagi budaya, bahkan (untuk) agama yang tidak secocok dengan mereka," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN.

Katanya atas sebab inilah, BN tidak boleh membenarkan parti komponennya terutama yang besar menjadi lemah disebabkan perselisihan faham dalam parti, dan untuk menyelesaikan masalah yang timbul sikap tolak ansur diutamakan.

"Tidak ada pihak yang mesti menang. Yang menang ialah parti, dan parti akan menang jika kita beri keutamaan kepada parti dan bukan kepada mana-mana pemimpin parti atau kelompok dalam parti," katanya.

Beliau berkata sebarang pertikaian antara parti komponen BN dan perselisihan faham antara pemimpin parti komponen, akan hanya memberi peluang kepada puak ekstremis menjadi berpengaruh dan berkembang.

"Jangan fikir BN tidak boleh dikalahkan. Ia boleh dikalahkan bukan kerana parti lawan lebih kuat atau lebih baik, tetapi kerana kelemahan BN, kerana kelemahan parti-parti komponen," katanya.

Beliau berkata parti-parti pembangkang telah cuba meniru konsep BN, tetapi oleh kerana mereka dari parti yang ekstrim, kerjasama mereka itu tidak dapat dikekalkan.

"DAP, telah keluar daripada barisan parti pembangkang, dan Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia ada sebagai nama sahaja.

"Mereka wujud kerana mereka boleh diperalatkan oleh Pas. Apabila mereka tidak berguna lagi mereka akan diketepikan," katanya.

Dr Mahathir berkata yang jelas ialah gabungan seperti BN hanya boleh dihasilkan dari parti yang sederhana dan kuat.

"Jika kita sendiri tolak kesederhanaan dan bersengketa sesama sendiri, dalam parti komponen atau antara parti komponen, keharmonian akan hilang. Kita akan menjadi seperti di kebanyakan negara membangun yang lain...tidak stabil, tidak maju dan tidak selamat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pengganti beliau, Abdullah, perlu mengekalkan tradisi dalam pelantikan anggota kabinet supaya semua parti komponen mewakili semua bangsa di negara ini akan diwakili.

"Tidak ada yang tertulis mengenai perkara ini dalam Perlembagaan kita. Ianya satu tradisi yang kita amalkan. Satu tradisi yang membolehkan kita membuat perubahan pucuk pimpinan kerajaan dengan lancar, dan ini penting untuk kestabilan dan kemakmuran.

"Jadi, saya harap MCA akan mengekalkan tradisi ini dan memberikan sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila beliau menjadi Perdana Menteri yang baru, Perdana Menteri Malaysia yang kelima," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR AT MAI